

**TEKS UCAPAN PROFESOR DR AHMAD YUSOFF BIN HASSAN, NAIB  
CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM), PADA 07  
SEPTEMBER 2009, JAM 8.00 PAGI SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN  
BULANAN KERAJAAN NEGERI KALI KESEMBILAN TAHUN 2009  
BERTEMPAT DI DATARAN SERI NEGERI, AYER KEROH MELAKA**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT WBT DAN SALAM SEJAHTERA

YANG BERUSAHA

PENGACARA MAJLIS,

YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI MOHD ALI BIN RUSTAM, KETUA  
MENTERI MELAKA

YANG BERHORMAT DATUK HAJI OTHMAN BIN MUHAMAD  
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA

YANG BERHORMAT DATUK WIRA OMAR KASIH  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI  
MELAKA

SAHIBUS SAMAHAH DATUK WIRA HAJI RASHID REDZA BIN HAJI MD  
SALEH

MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA

YANG DIHORMATI KETUA-KETUA JABATAN DARI AGENSI KERAJAAN  
PERSEKUTUAN DAN NEGERI, DIF-DIF KEHORMAT, DATUK-DATUK, DATIN-  
DATIN, PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI, SETERUSNYA HADIRIN  
DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT DI ATAS LIMPAH DAN  
RAHMATNYA YANG TELAH MEMBERI KITA KESEMPATAN BERHIMPUN  
BERSAMA DALAM PERHIMPUNAN KERAJAAN NEGERI MELAKA KALI KE 9  
TAHUN 2009 PADA PAGI YANG BERSEJARAHINI. PERHIMPUNANINI  
AMATLAH ISTIMEWA BAGI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
(UTeM) KERANA BUAT JULUNG KALINYA DIBERI PENGHORMATAN  
SELAKU TUAN RUMAH MENGANJURKAN PERHIMPUNAN PADA KALI INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI MENGALU-  
ALUKAN KEHADIRAN YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI MOHD ALI  
BIN MOHD RUSTAM, KETUA MENTERI MELAKA, EXCO-EXCO KERAJAAN  
NEGERI MELAKA, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DAN KETUA-KETUA  
PENTADBIRAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGERI MELAKA YANG

HADIR PADA PERHIMPUNANINI. SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATANINI MENYAMPAIKAN SALAM DARI YANG BERBAHAGIA PROF. AHMAD YUSOF HASSAN, NAIB CANSELOR UTeM DAN BELIAU MEMOHON KEMAAFAN KERANA TIDAK BERKESEMPATAN UNTUK BERSAMA PADA HARI INI ATAS URUSAN RASMI YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN.

Maklumat umum universiti

UNTUK PENGETAHUAN YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI DAN PARA HADIRIN SEKALIAN, UTeM TELAH DITUBUHKAN PADA 01 DISEMBER 2000 DENGAN NAMA ASALNYA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM) DAN MERUPAKAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG KE 14. UTeM ADALAH UNIVERSITI YANG DIKATEGORIKAN SEBAGAI “UNIVERSITI FOKUS” DENGAN MENUMPUKAN PENGAJIAN DALAM BIDANG TEKNIKAL, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT), DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI. TUJUAN UTAMA PENUBUHAN UTeM IALAH UNTUK MELahirKAN AHLI PROFESIONAL BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI KEPERLUAN SUMBER TENAGA MANUSIA KHUSUSNYA DALAM SEKTOR INDUSTRI.

## Perkembangan UTeM

PERKEMBANGAN YANG DICAPAI OLEH UTeM PADA MASA INI ADALAH AMAT PESAT SEKALI.INI ADALAH HASIL DARIPADA PERANCANGAN RAPI UNIVERSITI TERUTAMANYA MELALUI PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK UNIVERSITI YANG KOMPREHENSIF, YANG BERPAKSIKAN PELAN STRATEGIK PENGAJIAN TINGGI NEGARA (PSPTN) SERTA SOKONGAN PADU DARIPADA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI DAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT.

UTeM MENAWARKAN PENGAJIAN DI PELBAGAI PERINGKAT TERMASUK DIPLOMA, IJAZAH SARJANA MUDA, SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH DALAM BIDANG KEJURUTERAAN, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI. BERMULA DARIPADA PENGAMBILAN PELAJAR KUMPULAN PERTAMA SERAMAI 348 ORANG PADA JUN 2001, UTeM KINI MEMPUNYAI PELAJAR SERAMAI 6358 ORANG.

UTeM TELAH BERJAYA MENGELOUARKAN GRADUAN SERAMAI 4269 ORANG BERMULA DARIPADA KONVOKESYEN PERTAMA PADA TAHUN 2005. DIJANGKAKAN SERAMAI 1532 ORANG LAGI AKAN MENERIMA IJAZAH MASING-MASING PADA KONVOKESYEN KE 5, YANG BAKAL DIADAKAN PADA AWAL OKTOBER TAHUNINI DI DEWAN BESAR UTeM

YANG BARU, KAMPUS INDUK DURIAN TUNGGAL. DETIK BERSEJARAH INI AKAN MENJADIKAN JUMLAH KESELURUHAN GRADUAN UTeM MENINGKAT KEPADA 5,801 ORANG.INI MERUPAKAN SATU PENCAPAIAN YANG MEMBERANSANGKAN DALAM MASA YANG SINGKAT DAN MEMBUKTIKAN KESUNGGUHAN DAN KEUPAYAAN UTeM DALAM MELAHIRKAN MODAL INSAN UNTUK KEPERLUAN NEGARA.

Penyusunan kampus dan kesan kepada Melaka

YAB DATUK SERI/DATUK-DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI SEKELIAN

PADA PERINGKAT AWAL PENUBUHANNYA, UTeM MEMULAKAN OPERASINYA DI LOT RUMAH KEDAI DI TAMAN TASIK UTAMA, AYER KEROH. KEMUDIANNYA UNIVERSITI BEROPERASI DI TIGA KAMPUS IAITU KAMPUS INDUSTRI DI AYER KEROH, KAMPUS BANDAR DI JALAN HANG TUAH DAN KAMPUS INDUK DI DURIAN TUNGGAL.

PADA JUN YANG LEPAS UTeM TELAH MEMBUAT PENYUSUNAN/PENGSTRUKTURAN SEMULA KAMPUS UNIVERSITI YANG BERTUJUAN UNTUK Mengoptimumkan SUMBER DI SAMPING MENINGKATKAN KESELESAAN PELAJAR. KINI UTeM MEMFOKUSKAN

OPERASINYA DI DUA KAMPUS SAHAJA IAITU KAMPUS BANDAR DAN KAMPUS INDUK.

KAMPUS INDUK UTeM DI DURIAN TUNGGAL AKAN MENUMPUKAN PENGAJIAN PADA BIDANG KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT), MANAKALA PENGAJIAN DI KAMPUS BANDAR AKAN TERARAH KEPADA BIDANG PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT. PENYUSUNAN KAMPUS UTeMINI DIJANGKA DAPAT MEMBAWA MANFAAT YANG BESAR KEPADA UNIVERSITI DAN PEMBANGUNAN NEGERI MELAKA SECARA AMNYA.

ENROLMENT PELAJAR UTeM DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 10,000 ORANG PADA TAHUN 2010 DAN SETERUSNYA AKAN DITINGKATKAN KEPADA 15,000 ORANG PADA TAHUN 2015. DARIPADA JUMLAH ENROLMENT PELAJARINI, **80%** DARIPADA MEREKA AKAN BERADA DI KAMPUS INDUK, MANAKALA **20%** LAGI AKAN DITEMPATKAN DI KAMPUS BANDAR.

DENGAN KEWUJUDAN KAMPUS INDUK UTeM DAN KEPESATAN PERTAMBAHAN PELAJAR SERTA STAF(AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK), IA SECARA LANGSUNG TELAH MENJADI PEMANGKIN KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI MELAKA DALAM SEKTOR PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN TERUTAMANYA DI KAWASAN

BERDEKATAN SEPERTI DI DURIAN TUNGGAL DAN AYER KEROH. SELAIN ITU, IA JUGA TELAH MEMBUKA PELUANG PEKERJAAN DAN PERNIAGAAN KEPADA PENDUDUK TEMPATAN DALAM PELAKSANAAN KERJA-KERJA PERKHIDMATAN, PEMBEKALAN, PENYELENGGARAAN BANGUNAN DAN SEBAGAINYA.INI TERBUKTI DENGAN KEBANYAKAN DARIPADA PEMBEKAL DAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM SEKTOR BERKENAAN ADALAH TERDIRI DARIPADA WARGA TEMPATAN. PERTAMABAHAAN STAF UNIVERSITI DAN PELAJAR TELAH JUGA MENINGKATKAN PERMINTAAN TERHADAP KEPERLUAN KEDIAMAN SERTA MENINGKATKAN KUASA MEMBELI PENDUDUK NEGERI MELAKA.

YAB DATUK SERI/DATUK-DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI SEKELIAN DI KAMPUS BANDAR TERDAPAT DUA PUSAT TANGGUNGJAWAB AKADEMIK IAITU FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKOUSAHAWAN (FPTT) SERTA PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN (PBB). FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKOUSAHAWAN MENAWARKAN 3 PROGRAM DIPERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA, 2 PROGRAM MBA, 5 PROGRAM M.SC DAN PH.D. MANAKALA PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN MENAWARKAN PROGRAM EKSEKUTIF DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT BERBENTUK *SHORT COURSES*

SERTA SEMINAR KEPADA ORANG RAMAI. SASARAN PESERTA IALAH 2500 UNTUK TAHUN 2009 DAN 6200 UNTUK TAHUN 2010.

PENAWARAN KURSUS DAN SEMINAR INI MEMBERI PELUANG KEPADA MASYARAKAT UMUM TERUTAMANYA RAKYAT NEGERI MELAKA UNTUK MENINGKATKAN ILMU PENGETAHUAN SECARA BERTERUSAN DALAM PELBAGAI DISIPLIN ILMU. ANTARA PROGRAM YANG DIANJURKAN IALAH PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL, PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF (PERINGKAT SIJIL DAN DIPLOMA PROFESIONAL), PERUNDINGAN DAN PENASIHATAN DALAM BIDANG PENGURUSAN, ICT, KEJURUTERAAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN, KEUSAHAWANAN DAN SEBAGAINYA.

PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYATINI DIJANGKA MEMBERI IMPAK BESAR BAGI MENJADIKAN RAKYAT NEGERI MELAKA SEBAGAI MASYARAKAT BERPENGETAHUAN SERTA DAPAT MEREALISASIKAN HARAPAN KERAJAAN NEGERI UNTUK MENJADIKAN BANDAR MELAKA SEBAGAI LEMBAH ILMU DAN MENYOKONG USAHA MENYEMARAKKAN “EDUCATION TOURISM”. PERENCANAANINI JUGA DILIHAT MAMPU MERANCAK DAN MEMAKMURKAN PERTUMBUHAN EKONOMI BANDAR MELAKA KHUSUSNYA DI JALAN HANG TUAH.

YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI, HADIRIN DAN HADIRAT YANG  
DIHORMATI

DARI ASPEK PENGANTARABANGSAAN, PERATUSAN PELAJAR  
ANTARABANGSA YANG MENUNTUT DI UTeM IALAH SEBANYAK 3.6%.  
UTeM MENSASARKAN PERATUSAN PELAJARINI MENINGKAT KEPADA  
7.5% SEHINGGA PENGHJUNG TAHUNINI, MANAKALA 15% PADA TAHUN  
HADAPAN. DARI ASPEK TENAGA PENGAJAR IAITU PENSYARAH, PADA  
MASAINI UTeM MEMPUNYAI PENSYARAH LUAR NEGARA SEBANYAK 4.1%  
DAN AKAN DITINGKATKAN KEPADA 7.5% PADA TAHUN HADAPAN. BAGI  
MENGGALAKKAN MOBILITI PELAJAR ANTARABANGSA KE NEGERI  
MELAKA, UTeM TELAH MEMPERKENALKAN DUA PRODUK EDU TOURISM  
IAITU CAK LEMPONG MALACCA TRADITIONAL CULTURAL MUSIC DAN  
MALAYSIAN TRADITIONAL HAND WOVEN CRAFT YANG AKAN  
DIPASARKAN KELUAR NEGARA OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI.

UTeM TELAH MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN  
**DUABELAS** BUAH UNIVERSITI DI LUAR NEGARA IAITU ANTARANYA  
COVENTRY UNIVERSITY, LANCASTER UNIVERSITY, HARTFORDSHIRE  
UNIVERSITY, SHEFFIELD UNIVERSITY (UNITED KINGDOM) ,TECHNICAL  
UNIVERSITY BERLIN (JERMAN), OSAKA PREFECTURE UNIVERSITY  
(JEPUN), UNIVERSITY OF SOUTH AUSTRALIA, UNIVERSITI TEKNOLOGI

BANDUNG, UNIVERSITI UDINUS (INDONESIA), DAN MENUBUHKAN RANGKAIAN KERJASAMA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (MTUN).

HASIL DARIPADA KERJASAMAINI, ADALAH DIJANGKAKAN PERTAMBAHAN PELAJAR ANTARABANGSA DAN PENSYARAH LUAR NEGARA AKAN TERUS MENINGKAT DAN DENGAN ITU IA DAPAT MENINGKATKAN PERTUMBUHAN SEKTOR PELANCONGAN NEGERI MELAKA BAGI MENCAPAI MATLAMAT MELAKA MAJU 2010. MELAKA YANG TELAH DIIKTIRAF OLEH UNESCO SEBAGAI BANDARAYA WARISAN DUNIA MEMPUNYAI KEISTIMEWAAN DAN KEKUATANNYA DALAM USAHA MENARIK LEBIH RAMAI PELAJAR DAN PENSYARAH LUAR NEGARA UNTUK MENYAMBUNG PENGAJIAN ATAU BERKHIDMAT DI UTeM.

Sumbangan R&D kepada negeri Melaka

YAB KETUA MENTERI/AHLI-AHLI Y.B/HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG DIAMALKAN DI UTeM ADALAH BEROREINTASIKAN “APLIKASI DAN AMALAN”. PENDEKATAN INI MEMBERI KELEBIHAN KEPADA GRADUAN UTeM MUDAH DITERIMA OLEH MAJIKAN DAN BERSEDIA MEMASUKI PASARAN

PEKERJAAN TANPA PERLU MELALUI TEMPOH PERCUBAAN ATAU LATIHAN DALAMAN DI INDUSTRI SEPERTI KEBANYAKAN GRADUAN-GRADUAN LAIN. SETAKATINI KEBANYAKAN DARIPADA GRADUAN UTeM LARIS DI PASARAN PEKERJAAN DAN TERDAPAT GRADUAN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU TELAH MENERIMA TAWARAN KERJA SEMASA DALAM PENGAJIAN TAHUN AKHIR.

BAGI MEMASTIKAN MATLAMATINI DICAPAI, PROGRAM AKADEMIK UTeM BANYAK BERGANTUNG KEPADA KERJASAMA ERAT DENGAN INDUSTRI STRATEGIK. UTeM MENGAMALKAN STRATEGI PERKONGSIAN PINTAR ANTARA UNIVERSITI DAN INDUSTRI UNTUK MANAFAAT KEDUA-DUA PIHAK. MELALUI USAHAINI UTeM TELAH MENANDATANGANI BEBERAPA MoU DAN MOA DENGAN RAKAN INDUSTRI STRATEGIK BAGI TUJUAN PENYELIDIKAN BERSAMA, PERTUKARAN MAKLUMAT TEKNIKAL DAN STAF, PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN LATIHAN, PEMBANGUNAN TEKNOLOGI BERSAMA DAN MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK SECARA USAHASAMA SECARA BERTERUSAN.

SETAKATINI UTeM TELAH MENGADAKAN 17 MoU DENGAN SYARIKAT IKS DAN MULTINASIONAL. SYARIKAT-SYARIKAT DI NEGERI MELAKA YANG TERLIBAT SEBAGAI RAKAN STRATEGIK UTeM ANTARANYA IALAH CTRM DI BATU BERENDAM, IMPRESSIVE EDGE DI TAMAN PERINDUSTRIAN

CHENG, ANZAG INDUSTRIES DI IKS AIR PANAS, KUSOCOM CONCEPT FARMS DI TAMAN MELAKA PERDANA, JANUARY AUTOGAS DI TAMAN PERMAI RUMBIA, MICROZASS DI KOMPLEKS KILANG SME BANK TELOK MAS, HAMSHIRE AEROSPACE DI AYER KEROH DAN MELAKA BIO TECH HOLDINGS DI MITC.

BAGI TUJUAN PENGKOMERSILAN PRODUK R&D, UTeM TELAH MENJALINKAN KERJASAMA DENGAN MELAKA ICT HOLDINGS DAN TEKNOLOGI PEMBUATAN SDN. BHD. ANTARA PRODUK YANG TELAH DIPERSETUJUI UNTUK DIKOMERSILKAN IALAH *LED AUTOMATED REMOTE MESSAGING SYSTEMS (ARMS)* DAN *AIR PRESSURE PLUG*. KERJASAMA PENGKOMERSILAN PRODUK INI DIHARAP DAPAT MENINGKATKAN PENGHASILAN PRODUK BERKUALITI UNTUK TUJUAN MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT DAN JUGA MENJANA PENDAPATAN UNIVERSITI.

UTeM SENTIASA MEMBUKA PELUANG DAN RUANG KEPADA INDUSTRI NEGERI MELAKA UNTUK TERLIBAT SEBAGAI RAKAN STRATEGIK UNIVERSITI-INDUSTRI. PENGLIBATAN INDUSTRI INI AKAN MEMERIAHKAN DAN MENYEMARAKKAN LAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI UTeM SERTA NEGERI MELAKA SECARA UMUMNYA DAN SETERUSNYA MEMBANTU KEARAH PENCAPAIAN EKONOMI BERASASKAN INOVASI

YANG TELAH DIWARWARKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA. PADA MASA INI UTeM MEMPUNYAI SEBUAH KOMPLEKS “TEACHING FACTORY” ATAU KILANG PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG BOLEH DIMANFAATKAN BAGI TUJUAN PENGHASILAN PRODUK, DAN DALAM MASA YANG SAMA DAPAT MELATIH PELAJAR DALAM SUASANA PEKERJAAN SEBENAR. UNTUK ITU UTeM AMAT BERBESAR HATI SEKIRANYA ADA PIHAK YANG BERMINAT MENJALINKAN KERJASAMA PINTAR INDUSTRI-UNIVERSITI DENGAN PIHAK UNIVERSITI.

#### Penutup

#### YAB DATUK SERI/DATUK-DATUK/TUAN/PUAN YANG DIHORMATI SEKELIAN

VISI UTeM ADALAH UNTUK MENJADI UNIVERSITI TEKNIKAL YANG KREATIF DAN INOVATIF TERKEMUKA DI DUNIA. USAHA MENCAPAI MATLAMATINI AKAN SENTIASA DIPADANKAN SUPAYA SEIRING DENGAN PERANCANGAN KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMBAWA PEMBANGUNAN KEPADA NEGERI MELAKA SECARA TOTAL.

UNTUK ITU SAYA BAGI PIHAK UTeM MENGAMBIL KESEMPATANINI MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YAB DATUK SERI MOHD ALI RUSTAM, KETUA MENTERI MELAKA DAN SELURUH KEPIMPINAN

NEGERI MELAKA TERMASUK JUGA AGENSI-AGENSI KERAJAAN, PERTUBUHAN-PERTUBUHAN DAN INDIVIDU-INDIVIDU YANG MENYOKONG KEPADA PEMBANGUNAN UTeM SELAMA INI.

SAMA-SAMA KITA BERGANDING BAHU, BEKERJA DALAM SATU PASUKAN DAN BERILITIZAM UNTUK MEMAJUKAN NEGERI MELAKA DAN MALAYSIA YANG DICINTAI. SEMOGA KITA SAMA-SAMA MENYOKONG ASPIRASI YAB PERDANA MENTERI UNTUK MEREALISASIKAN SATU MALAYSIA “RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN.”

BAGI MENGAKHIRI UCAPAN TERIMALAH SERANGKAP PANTUN DARIPADA SAYA

LAKSAMANA HANG TUAH PAHLAWAN TERBILANG  
MENJUNJUNG SETIA TITAH DIRAJA  
VISI UTeM MENJADI CEMERLANG  
BERSAMA MAJU MELAKA BERJAYA

SEKIAN TERIMA KASIH.

WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH WASALAMUALIKUM ASM WRT WBT.